

Kes saman Najib terhadap Tommy selesai secara baik

Tiada bukti kait bekas PM dengan pembunuhan Altantuya sejak *My Story: Justice in the Wilderness* diterbitkan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Shah Alam: Kes saman dikemukakan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terhadap Tan Sri Tommy Thomas berhubung sebahagian kandungan memoir tulisan bekas Peguam Negara itu, *My Story: Justice in the Wilderness*, diselesaikan secara baik.

Penyelesaian kes saman berkenaan direkodkan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Khadijah Idris, selepas mahkamah dimaklumkan bahawa kedua-dua belah pihak mencapai satu penyelesaian.

Pada prosiding semalam, peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata semua pihak mencapai satu penyelesaian yang akan menamatkan pertikaian berkenaan secara muktamad dan sepenuhnya dan susulan itu, satu kenyataan bersama di mahkamah terbuka disediakan Thomas serta penerbit buku, GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd, masing-masing yang dinamakan selaku defendan per-

tama dan kedua.

Berikutan itu, mahkamah merekodkan terma penghakiman persetujuan, di mana Najib selaku plaintif menarik balik saman terbabit tanpa kos dan tanpa kebebasan memfailkan semula.

Peguam Alan Adrian Gomez membacakan kenyataan Thomas yang menyatakan beliau tidak mengetahui sebarang bukti yang mengaitkan Najib dengan pembunuhan model Mongolia, Altantuya Shaariibuu, sejak penerbitan bukunya pada 2021.

"Saya berpegang kepada kenyataan dan pandangan yang dinyatakan dalam Bab 42 buku saya, *My Story: Justice in the Wilderness*, bahawa akuan berkanun bekas anggota Unit Tindakan Khas (UTK), Koperal Sirul azhar Umar dan Cif Inspektor Azilah Hadri saling menyokong antara satu sama lain.

"Bagaimanapun, saya menerima bahawa sejak penerbitan buku saya pada 2021, saya tidak mengetahui bukti yang mengaitkan Najib dengan pembunuhan Altantuya, walaupun saya meraahami bahawa siasatan dijalankan selepas penerbitan buku berkenaan," katanya.

Peguam Gerakbudaya, Gokul Radhakrishnan, pula berkata pihaknya menerima pakai kenyataan Thomas secara substantif.

Najib memfailkan saman terhadap Thomas dan penerbit Gerakbudaya berhubung dakwaan kandungan fitnah dalam memoir itu yang tertumpu pada Bab 42 bertajuk *Altantuya*.

Beliau menuntut ganti rugi yang tidak dinyatakan jumlahnya serta memohon perintah bahawa kata-kata dan kenyataan yang dianggap memfitnah berkenaan dipadamkan.

Beliau juga menuntut Thomas dan Gerakbudaya membuat permohonan maaf serta menuntut injunksi kekal bagi menghalang menerbitkan kenyataan fitnah terhadapnya.

Kemenangan kepada Najib

Sementara itu, pada sidang media semalam, Muhammad Shafee berkata, penyelesaian kes saman berkenaan adalah suatu kemenangan kepada Najib.

Beliau berkata, ia kerana Thomas mengakui dalam kenyataannya di mahkamah sebelum ini bahawa tiada bukti yang mengaitkan Najib dengan pembu-

nuhan Altantuya.

"Sejak bertahun-tahun lalu, Datuk Seri amat terganggu dengan khabar angin yang mengaitkannya dengan pembunuhan model Mongolia, Altantuya Shaariibuu, sedangkan tiada sebarang bukti yang menyokong dakwaan sedemikian.

"Beliau tidak terbabit dalam apa jua cara dalam pembunuhan itu, yang mana dua individu telah pun disabitkan kesalahan.

"Anda boleh menganggapnya satu kemenangan. Penyelesaian ini seharusnya menamatkan semua khabar angin dan perbualan kedai kopi yang mengaitkan Najib dengan pembunuhan itu.

"Lebih-lebih lagi apabila bekas Peguam Negara mengakui bahawa sejak buku itu diterbitkan pada 2021 tiada bukti yang mengaitkan Najib dengan pembunuhan Altantuya," katanya.

Susulan itu beliau berkata, perkara ini sepatutnya menamatkan semua khabar angin terhadap Najib yang juga bekas Presiden UMNO dan bekas Ahli Parlimen Pekan.

Pada 10 Oktober 2024, Azilah Hadri terlepas hukuman gantung selepas Mahkamah Persekutuan menggantikannya kepada hukuman penjara selama 40 tahun. Keputusan itu dibuat berdasarkan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

Azilah dan Sirul Azhar disabitkan bersalah pada 2009 kerana membunuh Altantuya pada 2006 dan Mahkamah Tinggi Shah Alam menjatuhkan hukuman mati kepada mereka.



Najib Razak

Tommy Thomas